

REKA BENTUK DALAM PERNIAGAAN

NAMA :

TINGKATAN:

ARAHAN: Jawab semua soalan di bawah. Taipkan jawapan di dalam kotak yang disediakan.

1. Rajah 7 menunjukkan satu jenama produk.



Rajah 7

Apakah jenis penjenamaan produk yang digunakan?

- A Bentuk cap
- B Bentuk nama
- C Bentuk persendirian
- D Bentuk cap dagangan

2. Antara berikut jenama produk manakah yang menggunakan bentuk persendirian?



3. Rajah 8 menunjukkan tanda yang terdapat pada suatu produk.



Rajah 8

Apakah maksud tanda tersebut?

- A Hak cipta sesuatu produk
- B Jenama yang telah didaftarkan
- C *Trademark* dan sudah didaftarkan
- D *Trademark* dan masih belum didaftarkan



4. Antara berikut simbol pada cap dagangan yang manakah yang menunjukkan bahawa jenama produk telah mendapat kelulusan pendaftaran mengikut undang-undang?

A



C



B

TM

D

SM



5. Antara berikut yang manakah BENAR tentang penjenamaan produk bentuk persendirian?

- A Mengandungi nombor, perkataan atau huruf yang boleh disebut
- B Menggunakan bentuk simbol, reka bentuk warna atau huruf yang unik
- C Menonjolkan individu yang merupakan pelopor bagi sesuatu produk tertentu
- D Dalam bentuk perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi semuanya yang mempunyai simbol TM atau ©



6. Antara berikut yang manakah jenis pengukuhan penjenamaan melalui rakan strategik?

- I Rakan perkongsian jualan
- II Rakan strategik perniagaan
- III Rakan strategik pemasaran
- IV Rakan perkongsian teknologi dan produk
- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV



7. Maklumat berikut merupakan perkongsian teknologi dan produk yang dilakukan oleh syarikat pengeluar automotif. Apakah tujuan usahasama tersebut?

- A Mengawal pengeluaran
- B Mengukuhkan penjenamaan
- C Memenuhi permintaan pasaran
- D Memenuhi kehendak pengguna



- DRB-Hicom – Geely
- Proton – Mitsubishi
- Proton – Honda

8. Antara berikut, yang manakah merupakan definisi bagi pengiklanan?

- A Saluran komunikasi pengeluar kepada pengguna
- B Aktiviti pembuatan dan pemasaran sesuatu produk kepada pengguna
- C Aktiviti perniagaan yang menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna
- D Sebarang bentuk persembahan atau komunikasi berbayar, bersifat tidak peribadi dan ditujukan kepada golongan sasaran



9. Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan pengiklanan?

- I Memperkenal dan mempromosi produk
- II Menambahbaik kualiti produk
- III Menjatuhkan pesaing produk
- IV Melariskan jualan produk
- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV



10. Apakah definisi reka bentuk pengiklanan?

- A Karya dalam bentuk audio yang dicipta dalam iklan dengan tujuan memasarkan produk
- B Aktiviti perniagaan yang menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna
- C Karya dalam bentuk visual yang dicipta serta disusun untuk digunakan dalam iklan dengan tujuan memasarkan produk
- D Karya dalam bentuk audio dan visual yang dicipta serta disusun untuk digunakan dalam iklan dengan tujuan untuk memasarkan produk



11. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah reka bentuk pengiklanan?

- A Karya dalam bentuk audio dan visual yang dicipta serta disusun untuk digunakan dalam iklan dengan tujuan untuk memasarkan produk
- B Sebarang bentuk persembahan atau komunikasi berbayar, bersifat tidak peribadi dan ditujukan kepada golongan sasaran
- C Cara maklumat tentang sesuatu produk disampaikan oleh pengeluar kepada pengguna
- D Saluran, cara atau perantaraan yang digunakan untuk menyampaikan iklan kepada pengguna



12. Maklumat berikut menerangkan ciri-ciri satu kaedah reka bentuk pengiklanan.

- Menunjukkan kelebihan dan cara pengendalian produk dalam keadaan yang sebenar
- Disampaikan melalui rakaman yang ditayangkan di media massa atau secara langsung

Apakah kaedah reka bentuk pengiklanan tersebut?

- A Demonstrasi
- B Perbandingan
- C Penyampaian fakta
- D Kenyataan merangsang

☐

13. Berikut adalah pernyataan mengenai satu kaedah reka bentuk pengiklanan.

Iklan menggunakan maklumat produk yang terperinci dan lengkap untuk memperkenalkan produk kepada pengguna.

Apakah kaedah reka bentuk pengiklanan itu?

- A Demonstrasi
- B Perbandingan
- C Matlamat produk
- D Kenyataan merangsang

☐

14. Antara berikut, produk manakah yang sesuai diiklankan menggunakan kaedah demonstrasi?

- I Buku
 - II Alatan senaman
 - III Aneka makanan
 - IV Alatan memasak
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

☐

15. Rajah 9 menunjukkan pengiklanan produk X.



Rajah 9

Apakah kaedah reka bentuk pengiklanan yang digunakan oleh produk X?

- A Perbandingan
- B Matlamat produk
- C Penyampaian fakta
- D Kenyataan merangsang



16. Rajah 10 menunjukkan satu kaedah reka bentuk pengiklanan.



Rajah 10

Apakah kaedah reka bentuk pengiklanan tersebut?

- A Perbandingan
- B Gambar pegun
- C Matlamat produk



D Penyampaian fakta

17. Antara berikut, kaedah reka bentuk pengiklanan yang manakah merupakan contoh iklan penerangan?

- I Demonstrasi
 - II Matlamat produk
 - III Perbandingan
 - IV Penyampaian fakta
- A** I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV



18. Apakah yang dimaksudkan dengan media pengiklanan?

- A** Aktiviti perniagaan yang menyalurkan barang dan perkhidmatan kepada pengguna
- B** Saluran, cara atau perantaraan yang digunakan untuk menyampaikan iklan kepada pengguna
- C** Sebarang bentuk persembahan atau komunikasi berbayar yang ditujukan kepada golongan sasaran
- D** Karya dalam bentuk audio dan visual yang dicipta untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna



19. Aminah mempunyai perniagaan yang bersaiz besar serta bajet yang banyak untuk tujuan pengiklanan.

Antara berikut, media pengiklanan manakah yang harus digunakannya untuk menarik jumlah pengguna yang maksimum?

- I Radio
- II Brosur
- III Televisyen
- IV Surat khabar

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV



20. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri pengiklanan yang berkesan?

- I Kreatif
- II Inovatif
- III Memberikan impak
- IV Unsur unik dan tersendiri

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

